

Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KESETIAAN DAN KERJA BERPASUKAN

Demi Negara yang tercinta,
Dicurahkan bakti penuh setia,
Demi Raja yang disanjung tinggi,
Kesetiaan tak berbelah bagi,
Kepada pemimpin kepada rakyat,
Khidmat diberi penuh taat,
Sama bekerja, Sama berkhidmat,
Untuk agama, bangsa dan negara

Rangkap lagu 'Setia' diatas menerangkan kepada kita tentang konsep setia serta bagaimana dan kepada siapa ia perlu diaplikasikan.

'Sejak Datuk Mohamad Shaid mengambil alih teraju kepimpinan DBKL, saya nampak banyak perubahan dari segi pendekatan menangani dan menyelesaikan aspek pengurusan dan pentadbiran DBKL. Apa yang beliau sarankan memang 100% kena pada tempatnya. Sebagai kakitangan yang lama berkhidmat di DBKL, saya setuju dengan beliau'. Semua pegawai dan kakitangan DBKL perlu menyemai perasaan setia (*loyalty*) dan bekerja secara berpasukan (*teamwork*) bagi menjadikan DBKL lebih proaktif, efektif dan efisien dalam memberikan perkhidmatan kepada lebih 1.4 juta warga kota.

Setiap pegawai dan kakitangan DBKL perlu setia kepada ketua. Dalam konteks ini semua warga DBKL perlu patuh dan taat diatas tugas yang telah diamanahkan. Anggaplah tugas yang diberikan sebagai tanggungjawab dan bukan beban. Dalam mengendalikan tugas yang diberikan, perlu komited dengan memberikan komitmen serta penuhpuan yang total. Warga DBKL juga diingatkan tidak mepolipolikan kerja dan bersikap profesional bagi menciptakan suasana kerja yang sihat.

Semua pegawai dan kakitangan DBKL wajib bekerja secara berpasukan (*teamwork*) untuk mewujudkan satu mutu kerja yang berkualiti dan boleh dianggakan. Di dalam sebuah kapal, hanya ada seorang nahkoda yang bertanggungjawab kepada anak-anak kapal. Begitulah mutunya dalam sesebuah organisasi. Perlu ada hanya seorang ketua yang bertindak mengepalai jentera perkhidmatan. Setiap pegawai dan kakitangan wajib mengikut khalifahnyanya.

Menurut seorang eksekutif kanan DBKL, 'Sebagai seorang pekerja, kita perlu bekerja keras mencapai satu matlamat yang

sama. Jangan ada antara kita yang mempunyai agenda tersendiri. Kita juga tidak boleh berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas-tugas awam'. Setiap anggota DBKL yang telah menandatangani Surat Aku Janji dan telah berjanji sebagaimana yang dikehendaki dibawah kaedah 4 Kaedah-Kaedah Pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kelakuan dan Tata tertib) 1989 atau Kaedah-Kaedah Pegawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kelakuan Dan Tata tertib) 1992 harus menunaikan janji-janjinya'.

Sejak mencapai status bandaraya pada 1 Februari 1972, DBKL merupakan antara Pihak Berkuasa Tempatan yang tertua dan seharusnya menjadi *role model* kepada 114 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain. Kuala Lumpur juga menjadi pusat latihan untuk Asian Institute of Urban Development Management (AIUDM) di bawah program *Asian Network of Major Cities (ANMC)* di Cheras yang bermula pada tahun 2002. Pusat Latihan ini disokong oleh badan antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu UNITAR bagi melaksanakan program pengurusan alam sekitar bagi rantau Asia Pasifik. Sebuah lagi pusat latihan antarabangsa akan ditubuhkan di Bandar Permaisuri bersebelahan dengan Institut Latihan DBKL, juga di bawah program UNITAR.

Selari dengan motto DBKL, '*Bersedia Menyumbang, Bandaraya Cemerlang*', setiap kakitangan dan pegawai DBKL perlu ada rasa setia kepada ketua dan semangat berpasukan dalam menjalankan tugas. Di dalam Al-Quran ada disebut: '*Bekerjalah kamu seolah-olah kamu akan hidup 1000 tahun lagi...*'.

Jika semua pegawai dan kakitangan DBKL menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan hati yang ikhlas, sudah pasti impian untuk menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur '*bandar bercahaya dan berjiwa*' serta bertaraf dunia akan tercapai. '*Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan*'.



Sebahagian daripada kakitangan DBKL semasa sesi menandatangani Surat Aku Janji pada tahun 2002

Rencana Pengarang

Pembangunan bandar raya yang pesat dan sentiasa berubah adalah ciri yang lumrah dalam era globalisasi dewasa ini.

Tanpa mahu ketinggalan, Bandaraya Kuala Lumpur turut sama mengharungi arus pembangunan. Senario kehidupan bandar turut melahirkan persaingan yang sengit di mana manusia berlumba-lumba untuk memperbaiki taraf ekonomi dan sosial masing-masing. Keadaan ini boleh mendatangkan tekanan dan masalah kesihatan terutama apabila manusia memaksa dirinya memperolehi sesuatu yang di luar kemampuan dan kesanggupannya.

Tekanan hidup dan gangguan penyakit sekiranya tidak diatasi mendatangkan kemurungan, keresahan, kebimbangan dan ketidakstabilan emosi yang akhirnya boleh menjurus seseorang ke kancah jenayah dan kegiatan anti sosial. Produktiviti pekerja juga akan terjejas oleh sebab tekanan kerja dan masalah peribadi.

Faktor pendidikan, asuhan agama dan kemantapan keluarga memainkan peranan yang penting untuk mendidik seseorang menjadi warga kota dan rakyat yang bertanggungjawab serta patuh kepada peraturan dan perundangan.

SELAMAT MENYAMBUT AWAL MUHARAM 1424

Ragam Rumah Pangsa



Oleh: Syin

Percaturan Damai

Percaturan Damai adalah sebuah lakonan untuk keamanan yang dipertontonkan di Festival Kesenian dan Kebudayaan Kuala Lumpur sempena Persidangan Negara-Negara Berkecuali yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia bermula dari 20 Februari hingga 25 Februari 2003.

Percaturan Damai dipersembahkan selama empat malam di Dataran Kebudayaan Sementara, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur secara terbuka untuk tontonan awam.

Upacara perasmian telah diadakan pada 20 Februari 2003 oleh Y.Bhg Datuk Mohmad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Percaturan Damai dipersembahkan untuk memberi gambaran bahawa rakyat Malaysia amat cintakan kedamaian dan mahu dunia tahu apa yang sedang dilaung-laungkan oleh rakyat Malaysia. Di samping itu, persembahan muzikal ini menonjolkan perpaduan antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama dapat hidup harmoni dan sejahtera termasuk juga pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada media tempatan, Datuk Bandar Kuala Lumpur juga ditemuramah oleh media asing iaitu lima daripada Pakistan dan lima daripada Jepun termasuk juga dari Sarajevo.

Tema Percaturan Damai ialah seruan universal keamanan dan berkisar tentang konflik kemanusiaan diantara si 'baik' dan si 'jahat'. Ia bermula apabila 'kemanusiaan' telah runtuh. Demi keamanan, 'kemanusiaan' perlu dihidupkan kembali.

Dalam lakonan ini, si 'baik' (virtue) kemanusiaan merupakan wadawan terakhir yang menyembunyikan dirinya dengan kebaikan dan menyelesaikan konflik (vice) bagi menjamin keamanan generasi akan datang.

Persembahan dan respons dua pihak ini dipentaskan melalui permainan catur. Untuk menambahkan

kelainan, konfrantasi dan kuasa permainan akan ditontonkan secara dramatik iaitu gabungan tarian dan muzik merangkumi kebudayaan pelbagai bangsa di negara kita.

Koreografi reflektif dan simbolik dipamerkan menerusi tarian tradisional dan persembahan kebudayaan seperti dikir barat, mak yung, wayang kulit, dabus, silat dan kuda kepang dengan imaginasi dan perasaan hati yang ghairah menerusi tajuk unik seperti 'soyok' dan 'tandus'.

Secara keseluruhan, Percaturan Damai adalah teater moden dan muzikal diselitkan dengan persembahan kebudayaan dengan 200 orang krew yang menjayakan persembahan ini. Teater ini dijayakan oleh Kumpulan Kebudayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ianya juga disokong oleh Galeri Kesenian Kebangsaan, Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Akademik Seni Kebangsaan, Simfoni Dram Malaysia, Kumpulan Ghazal Sri Tebrau, Nur Kartina Koleksi, Kumpulan Sri Santubung dan Kumpulan Kencana Putra, Kumpulan Tarian Roman, Gema Nusantara, Dynasty n Dancezap Production, Kumpulan Budaya Sabah, Malaysia Punjabi Bhangra dan Orkestra DBKL.

**dipersembahkan untuk
memberi gambaran
bahawa rakyat Malaysia
amat cintakan
kedamaian.....**



Y.Bhg Datuk Mohmad Shaid Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur semasa majlis perasmian Percaturan Damai.